

## **BAB 6**

### **PENGAMALAN DAN PENGHAYATAN KOMUNIKASI BERSEPADU MENERUSI AKTIVITI SGM**

#### **6.1 Sumbangan Komunikasi Bersepadu SGM Dalam Membentuk Masyarakat Yang Harmoni**

Prinsip Komunikasi bersepadu yang terserap dalam kesemua aktiviti anjuran SGM telah merentasi aspek-aspek pemikiran, falsafah, dan ajaran SGM. Demi merealisasikan prinsip komunikasi bersepadu SGM, perubahan dari segi sikap dan ideal hidup diri sendiri merupakan langkah aras semua ahli SGM dalam perjuangan untuk meneruskan ciri humanisme dalam kehidupan disamping menjadi detik penentu untuk menentukan berjaya atau gagalnya dalam kehidupan mereka. Setiap ahli SGM hendaklah bermula dengan “kemajuan diri sendiri” demi merealisasikan prinsip komunikasi bersepadu pada akhir matlamatnya.

Ahli SGM yang terdorong dari dalaman hati, mampu mencapai tahap kawalan kendiri dan penguasaan diri. Kerelaan ahli SGM dalam menyertai pelbagai aktiviti anjuran SGM memperlihatkan kesediaan mereka untuk berubah dan komitmen mereka untuk mewujudkan perhubungan masyarakat yang lebih licin, di mana keresahan dalam hubungan antara individu berjaya dikurangkan. Dengan perkataan lain, kawalan kendiri dan dorongan dalaman ahli SGM telah berjaya melahirkan kuasa penggerak berdasarkan prinsip komunikasi bersepadu demi melancarkan segala aktiviti-aktiviti SGM yang menuju ke arah keharmonian hidup manusia sejagat.

Rangkaian komunikasi bersepada SGM yang menekankan kefahaman dalam erti kata mengintegrasikan kepercayaan dan nilai yang meliputi pemahaman yang mendalam dan menyeluruh. Dalam konteks ini, kefahaman adalah sumber asas untuk bertindak dan membentuk kehidupan yang berharmoni.

Penggunaan prinsip komunikasi oleh ahli SGM tidak terbatas kepada penyebaran ajaran Buddhisme semata-mata, tetapi menembusi emosi dan perasaan individu atau kumpulan. Ajaran yang diterima oleh ahli mampu memenuhi keperluan hidup dan dalam usaha mereka menangani permasalahan hidup masing-masing. Ahli SGM yang terdedah kepada ajaran dan aktiviti SGM terasa diri mereka mampu memperolehi gambaran tentang cara kehidupan dan alam persekitaran yang lebih tepat, “komunikasi *intrapersonal*” dikatakan telah berlaku. Ini membantu mereka dalam mempertimbangkan sesuatu, membuat keputusan atau menenteramkan diri sendiri. “Komunikasi *intrapersonal*” yang mementingkan proses komunikasi (penghayatan dan keinsafan) diri sendiri ini merupakan kuasa penggerak asas untuk menggerakkan bentuk komunikasi yang lain.

Mengatasi diri merupakan satu aspek latihan dan disiplin menurut ajaran Buddhisme. Ia merupakan perjuangan berterusan terhadap kesangsian, egoisme, dan nafsu. Perjuangan itu menjadi satu “revolusi dalaman” yang membawa fikiran individu dari sikap mementingkan diri sendiri kepada sikap memikirkan hal orang lain (altruisme), dan dari perasaan curiga kepada kepercayaan “revolusi manusia”. Perkara ini menjadi mesej utama prinsip komunikasi SGM dan perjuangan yang berterusan.

Dalam kehidupan seharian, ahli SGM giat dalam usaha memperkembangkan ajaran agama mereka di samping menganjurkan pelbagai kempen seperti kempen keamanan, kempen kebudayaan, kempen mencintai alam sekitar, dan kempen kebijakan masyarakat dan sebagainya. Kesemua kegiatan ini dianjurkan berasaskan kehendak “revolusi manusia”,<sup>1</sup> iaitu terdapat kepercayaan bahawa perubahan hati seseorang individu akhirnya akan membawa kepada perubahan sosial dalam masyarakat itu sendiri. “Revolusi Manusia” inilah yang ditekankan oleh ahli-ahli SGM.

Menerusi penyertaan pelbagai aktiviti dalam bidang pendidikan, keamanan dan kebudayaan yang berdasarkan prinsip komunikasi bersepada tersebut, ahli-ahli SGM bukan sahaja menyedari hakikat sesuatu situasi, tetapi juga dilatih untuk mencipta nilai dalam kehidupan mereka.

## 6.2 PENUTUP

Sejak kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, usaha mengukuhkan perpaduan dan keharmonian rakyat masih menjadi agenda utama kerajaan Malaysia demi menjamin kestabilan negara, yang menjadi pengasas bagi kemajuan ekonomi kita. Dalam konteks ini, prinsip komunikasi bersepada yang diamalkan oleh ahli-ahli SGM telah menyumbang ke arah mencapai matlamat negara yang tersebut di atas.

Setakat ini, SGM telah berjaya mencapai sasarannya pada peringkat seperti yang berikut :

- a) Menawarkan panduan bersifat falsafah dan pengamalan kepada golongan yang ingin merealisasikan keharmonian dan kebahagian hidup tanpa membezakan soal status sosial seseorang.
- b) Mendidik generasi muda yang cintakan negara dan sanggup melibatkan diri dalam pelbagai persembahan kebudayaan.
- c) Penubuhan Tadika Seri Soka yang membantu mengasuh generasi muda supaya bersifat “warga global” dan pegang kepada prinsip “sudi bercampur-gaul” demi mewujudkan suasana keamanan dan keharmonian.
- d) Mengadakan seminar, ceramah, pemeran dan aktiviti pemeliharaan alam sekitar untuk meningkatkan kesedaran orang ramai supaya berperhatin terhadap keselesaan hidup pada peringkat mikronisme dan makronisme.
- e) Membina imej sebagai sebuah pertubuhan keagamaan berdedikasi yang membantu usaha Kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat penyayang berasaskan wawasan 2020.

Pengamalan dan penghayatan ajaran agama Buddha yang dianjurkan SGM khususnya menerusi pelbagai aktiviti dalam bidang pendidikan, kebudayaan dan keamanan ini telah membaiki, memperkaya, dan mempertingkatkan kualiti ahli-ahlinya dalam aspek hidup kemanusiaan dan kerohanian. Penekanan SGM kepada prinsip komunikasi bersepada juga menjadikannya sebagai badan NGO yang turut menyumbang dalam usaha penyelaras masalah sosial di kalangan masyarakat Malaysia.

Dalam sebuah negara demokratik yang mana rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum, apakah SGM sanggup muncul sebagai satu model yang berjaya memupuk perpaduan kaum? Semasa soalan ini ditujukan kepada Ketua Pengarah SGM Encik Koe Teng Hong, beliau menjawab : “SGM Sebagai sebuah kubu mempertahankan keamanan, berkeyakinan merealisasikan perpaduan kaum dan keharmonian masyarakat menerusi prinsip komunikasi bersepadu yang menekankan ciri kepelbagaian. Hanya dengan amalan dan sikap inilah dapat kita bersama-sama merintis jalan ke arah perpaduan sejagat.”

Asas sejati warisan SGM yang terletak pada keteguhan insan dan keyakinan diri ahli-ahlinya telah memperlihatkan kejayaan SGM sebagai sebuah pertubuhan keagamaan yang memperjuangkan keharmonian hidup manusia menerusi pergerakan pendidikan, keamanan, dan kebudayaan. Prinsip komunikasi bersepadu yang diamalkan SGM berjaya menyedarkan orang ramai tentang falsafah hidup manusia berasaskan kesahaman “revolusi manusia” yang mendukung cita-cita mengubah diri sendiri dan seterusnya masyarakat, demi mencapai keharmonian dan keselesaan hidup manusia sejagat.

## **Nota Kaki**

1. Pegangan Daisaku Ikeda yang mempercayai satu “revolusi manusia” yang sebenar di dalam seorang individu boleh menukar nasib satu negara dan akhirnya seluruh manusia. Pandangan ini memberi wawasan yang sedalam mungkin tentang kemuliaan individu. Pendek kata, prinsip di sebalik segala aktiviti manusia tidak lain daripada mewujudkan revolusi manusia sebagai satu pengaliran kekuatan yang berterusan dan menyuburkan pertumbuhan pendidikan, kebudayaan, dan keamanan.